

## Perkembangan Sektor Perdagangan Andalus Zaman Pemerintahan Kerajaan Banu Umayyah

Andalus Trade Sector Development During the Banu Umayyad Reign

NORANIZAH YUSUF  
EZAD AZRAAI JAMSARI

### ABSTRAK

Sektor perdagangan merupakan antara sumber utama pendapatan ekonomi bagi Kerajaan Banu Umayyah. Faktor peranan pemerintah, rakyat dan lokasi Andalus yang strategik merupakan faktor penyumbang kepada kepesatan perdagangan Andalus. Andalus memainkan peranan penting sebagai 'orang tengah' dalam transaksi dan pertukaran komoditi barang antara orang Kristian di Eropah dan orang Islam di timur. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis fakta-fakta sejarah perdagangan di Andalus pada zaman pemerintahan Kerajaan Banu Umayyah, bermula tahun 138H/756M hingga 422H/1031M. Kajian ini mengaplikasikan metodologi historikal melalui pendekatan kualitatif. Penulis menggunakan kedua-dua sumber primer dan sekunder bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah sektor perdagangan di Andalus zaman Banu Umayyah antara tahun seperti mana tersebut di atas. Data dan maklumat ini melibatkan sumber-sumber yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan. Hasil kajian mendapati Andalus pada zaman pemerintahan Banu Umayyah telah mencapai kemakmuran dalam sektor perdagangan. Perdagangan Andalus tidak bersifat domestik sahaja bahkan telah diperluaskan hingga ke negara-negara luar melalui kemudahan pasar-pasar perniagaan dan pelabuhan-pelabuhan yang disediakan oleh para pemerintah Banu Umayyah di Andalus.

Kata Kunci: perkembangan perdagangan, transaksi komoditi, Andalus, Cordova, Banu Umayyah

### ABSTRACT

*Trade sector is a main source of economic revenue for the Kingdom of Banu Umayyad. The role factors of government, people and strategic location of Andalus are the contributing factors to the rapidity of trade in Andalus. As we have known that Andalus played an important role as a 'middle man' in the transaction and exchange of commodities between the Christians in Europe and the Muslims in the east. This article aims to analyze the facts of the history of trade in Andalus during the reign of Banu Umayyad Empire, began year 138H/756M to 422H/1031M. This study applies historical methodology through a qualitative approach. The author uses both primary and secondary sources to get the informations of the historical trading sector in Andalus at the time of Banu Umayyad between the years as mentioned above. This data and informations involving sources that are obtained via the library research. The result found that Andalus during the reign of Banu Umayyad had achieved an excellant prosperity in the trade sector. The activity of trade in Andalus was not merely focussed on domestic domain, even it had been spread out to other countries through the facilities of commercial markets and ports that provided by the government of Banu Umayyad in Andalus.*

Keywords: Trade development, commodity transaction, Andalus, Cordova, Banu Umayyad

### PENGENALAN

Secara umumnya, pemerintahan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama, iaitu *Rule of Dependent Amirid* (92H/711M hingga 138H/756M), *Rule of Independent Amirid* (138H/756M hingga 300H/912M) dan *Rule of Khilafah* (300H/912M hingga 422H/1031M) (James 2009: 53). Period pertama merupakan period awal pembukaan Andalus ketika di bawah kekuasaan Khalifah al-Walid b. Abdul Malik di Damsyik. Tahap pertama ini merupakan pemerintahan kuasa-kuasa kecil yang lebih tertumpu kepada perluasan wilayah

jajahan dan penerokaan tempat-tempat baru. Dalam tempoh ini, pemerintahan Islam di Andalus belum dapat dikawal dengan baik kerana faktor kedudukan Andalus itu sendiri yang jauh daripada pemerintahan pusat. Di samping itu, pergolakan politik di Damsyik, perselisihan di antara gabenor Qayrawan, Musa bin Nusayr dengan Khalifah Sulayman serta perbalahan etnik telah mewarnai senario pemerintahan di Andalus pada masa tersebut (Maruwiah 2003: 40-43).

Period kedua pula merupakan babak baru pemerintahan Islam yang berdikari tanpa ada kaitan dengan Kerajaan Abbasiah di Baghdad. Pada tahap ini, pemerintahan Banu Umayyah diterajui oleh

Abdul Rahman al-Dakhil yang berjaya mlarikan diri daripada buruan kerajaan Abbasiah. Pada masa tersebut, Damshiq berada dalam kekuasaan Kerajaan Abbasiah yang berjaya merampas kekuasaan daripada Banu Umayyah pada tahun 132H/750M (James 2009: 67). Kerajaan Abbasiah berjaya merebut dan menegakkan pemerintahannya kecuali di wilayah Andalus yang menjadi wilayah yang merdeka dan diperintah oleh Kerajaan Banu Umayyah. Walaupun merupakan wilayah yang merdeka daripada pemerintahan Kerajaan Abbasiah di Baghdad, pemerintah Banu Umayyah hanya menggunakan gelaran amir (James 2009: 77).

Amir Abdul Rahman al-Dakhil telah berjaya menjadikan Andalus sebuah wilayah yang maju dan menjadikan ibu kota Cordova sebagai pusat pemerintahan beliau yang gah. Beliau juga telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat di Andalus sama ada dalam aspek sosial, politik dan ekonomi serta meletakkan assas-asas yang kukuh kepada pewaris-pewaris kerajaan Banu Umayyah selepasnya (Maruwiah 2003: 52-53). Setelah kematian Abdul Rahman al-Dakhil pada tahun 172H/788M, Andalus diperintah oleh keturunan Umawiyah seperti Hisham I (172H/788M hingga 180H/796M), al-Hakam I (180H/796M hingga 206H/822M), Abdul Rahman II (206H/822M hingga 238H/852M), Muhammad I (238H/852M hingga 273H/886M), Mundhir (273H/886M hingga 275H/888M) dan Abdullah (275H/888M hingga 300H/912M) (Miles 1950, 17). Politik dan pembangunan Andalus di bawah para amir Umawiyah tersebut berjalan pasang surut secara silih berganti akibat pemberontakan dalaman yang berlaku di dalam Andalus, permusuhan dengan pihak Kristian dan ancaman daripada Kerajaan Abbasiah (David 2009, 67-130; Maruwiah 2003, 44-56).

Period ketiga pula merupakan kemuncak kejayaan Islam di Andalus iaitu ketika era pemerintahan dipegang oleh Abdul Rahman al-Nasir (300H/912M-350H/961M) dan anaknya al-Hakam II (350H/961M-366H/976M). Abdul Rahman al-Nasir berjaya menyelamatkan Andalus daripada situasi yang amat lemah selama 25 tahun semasa pemerintahan dipegang oleh datuknya, Abdullah. Abdul Rahman al-Nasir telah menjadikan Andalus sebagai pemerintahan paling kuat dan terluas (Maruwiah 2003: 61-62). Wilayah kekuasaan beliau meliputi wilayah al-Maghrib dan Ceuta di Afrika Utara yang ditawan daripada Kerajaan Fatimiyah pada 306H/918M dan 320H/931M.

Setelah berjaya meluaskan pengaruhnya dan mengembalikan keamanan di Andalus, akhirnya

pada 317H/929M beliau mula menggunakan gelaran khalifah selepas lebih kurang 179 tahun gelaran tersebut tidak digunakan oleh keluarga Banu Umayyah (Miles 1950: 17; Safran 1998: 183). Prasarana-prasarana pendidikan seperti sekolah, perpustakaan, masjid, jalan raya, tempat mandi awam dan sebagainya telah didirikan. Demikian pula, pertanian, perdagangan dan industri, kesenian dan ilmu pengetahuan turut berkembang dengan luas dan pesat. Setelah memerintah selama 50 tahun, Abdul Rahman al-Nasir digantikan anaknya, al-Hakam II. Tidak banyak perubahan yang dibawa oleh al-Hakam II kerana beliau lebih banyak meneruskan polisi pemerintahan ayahnya. al-Hakam II terkenal sebagai seorang pemimpin yang adil, bijaksana dan cintakan ilmu pengetahuan serta berjaya menjadikan Cordova kota metropolitan yang bercahaya dengan keilmuannya (Mahayudin 1990: 38-39). al-Hakam meninggal dunia pada tahun 967M setelah memerintah selama 15 tahun. Kematian al-Hakam ini juga merupakan penamat kepada keagungan kerajaan Banu Umayyah di Andalus kerana pengganti-pengganti beliau tidak mampu untuk meneruskan kegemilangan Banu Umayyah di Andalus. Pada masa tersebut, kekacauan mula timbul akibat perebutan kuasa politik, perpecahan rakyat yang akhirnya mewujudkan kerajaan-kerajaan kecil di Andalus serta serangan dari pihak Kristian yang tidak putus-putus (Maruwiah 2003: 64-66).

## PERSOALAN KAJIAN

Banu Umayyah dipilih sebagai subjek kajian disebabkan terdapat beberapa kenyataan yang menunjukkan kemakmuran sektor perdagangan mereka. Jihoon Koo (t.th.) yang melakukan kajian terhadap perkembangan sektor perdagangan Banu Umayyah menyatakan:

The cities of Andalus became commercial centers of Europe under Muslim rule, and Andalus market served as a place for both domestic and foreign merchants. Andalus people traded with other fluent regions under Islamic sphere of influence, and also with the Iberian Christian kingdoms of the north. They also traded with Christian regions of the Mediterranean such as Italian city-states. The cities in the region of al-Andalus were the commercial hubs of the Iberian Peninsula. Cities which later became trade centers were newly established and many existing cities were further developed and expanded.

Pendapat ini memberi gambaran kepada kita bahawa sektor perdagangan telah berkembang dengan pesat pada zaman pemerintahan Kerajaan Banu Umayyah. Di Andalus bandar-bandar telah dibangunkan menjadi pusat-pusat perdagangan di bawah pemerintahan Islam. Kegiatan perdagangan juga tidak hanya berlaku di dalam negara sahaja bahkan telah diperluaskan ke peringkat antarabangsa melalui kegiatan eksport dan import barang Andalus. Kepesatan perdagangan ini telah banyak menyumbang kepada penerokaan dan pembinaan bandar-bandar baru yang dijadikan pusat perniagaan dan perdagangan.

Selain itu, kemakmuran perdagangan pada zaman pemerintahan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus ini dapat dilihat melalui kenyataan Trend (1968: 3): “Christian Spain revolved for five centuries in the economic orbit of Islamic South; commerce was monopolized by the Muslim and Jews.” Pendapat ini memberi gambaran penguasaan pedagang-pedagang Islam dan Yahudi di Andalus dalam aktiviti perdagangan di dunia Barat. Pedagang-pedagang Kristian di bahagian Utara Andalus turut menjalankan perdagangan dengan negara Islam Andalus walaupun dari semasa ke semasa berlaku permusuhan di antara Islam dan Kristian.

Perkara yang sama turut ditegaskan oleh Robert Raymond Gabriel (2008: 41) yang menyatakan bahawa pada zaman pemerintahan Abdul Rahman al-Nasir, kemakmuran ekonomi Andalus berada pada kemuncaknya. Pedagang-pedagang Andalus berdagang hingga ke Constantinople dan Damsyik. Mereka juga mengembara hingga ke Mesir, Timur Tengah, Afrika Utara dan di sepanjang wilayah al-Maghrib.

Pendapat ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Olivia Remie Constable (1994: 5) yang menyatakan bahawa: “Andalusi markets were crucial western component in this system (trade and commerce), since not only did they consume and distribute eastern import but they also exported Iberian goods back to the eastern Mediterranean.” Kenyataan ini menunjukkan bahawa wujud hubungan dua hala antara Andalus dengan negara-negara Timur Tengah walaupun dari semasa ke semasa berlaku perselisihan politik. Begitu juga, berlaku perkembangan pesat dalam sektor perdagangan, iaitu kegiatan perdagangan mereka disemarakkan lagi dengan aktiviti import dan eksport barang dari dalam dan luar negara.

Begitu juga pendapat yang telah dinyatakan oleh Sahibzada Masud-ul-Hassan Khan (2004: 560) “Spain was the centre of trade and industry during the Middle

Ages. Cordova, the capital of Spain was famous for its leather trade, silversmith and filigree works. Its industry could support two hundred thousand families.” Kecemerlangan perdagangan di Andalus dapat dilihat apabila Andalus berjaya menjadi pusat perdagangan dan perindustrian yang penting pada abad pertengahan. Kenyataan sejarawan-sejarawan di atas secara keseluruhan mengemukakan teori bahawa pada masa pemerintahan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus telah mencapai kemakmuran dalam sektor perdagangan.

Sehubungan itu, aspek perdagangan adalah subjek yang menarik untuk dikaji kerana kecemerlangan ekonomi sesebuah tamadun bukan hanya bergantung kepada aspek pertanian dan perindustrian semata-mata. Kepentingan sektor perdagangan sebagai sumber ekonomi negara digambarkan dalam pernyataan David Hume:

The greatness of state, and the happiness of its subject are commonly allowed to be inseparable with regard to commerce; and as private men receive greater security, in the possession of their trade and riches, from the power of public, so the public becomes powerful in proportion to the opulence and extensive commerce of private men.

Justeru, kajian terhadap sejarah perdagangan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus adalah amat penting dan wajar dilakukan sebagai nilai tambah kepada maklumat-maklumat berkaitan sejarah dan tamadun Islam di Andalus yang terdapat sebelum ini. Kajian ini juga penting bagi melestarikan semula sejarah kegemilangan tamadun Islam yang pernah berlangsung di dunia Eropah.

## EKONOMI ANDALUS SEBELUM DAN SELEPAS KEDATANGAN ISLAM

Menurut sebahagian besar ahli sejarah, sebelum kedatangan Islam ekonomi Andalus berada dalam keadaan yang tidak memberangsangkan. Tidak memberangsangkan di sini tidak bermaksud tidak berlakunya perkembangan tetapi tidak serancak perkembangan yang berlaku selepas kedatangan Islam. Sebelum membincangkan secara lebih lanjut mengenai perkembangan ekonomi tersebut, terlebih dahulu akan meninjau sejarah perekonomian di Andalus sebelum kedatangan Islam terutamanya pada zaman pemerintahan Kerajaan Rom dan Visigoth dengan harapan dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran situasi ekonomi pada zaman sebelumnya

dan menghubungkannya dengan bentuk-bentuk perkembangan ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan Banu Umayyah itu sendiri.

#### SITUASI EKONOMI PADA ZAMAN PEMERINTAHAN KERAJAAN ROM

Di bawah penguasaan kerajaan Rom, Andalus telah berkembang menjadi sebuah negara yang terkaya dan menyumbang sejumlah pendapatan yang besar kepada ekonomi Kerajaan Rom. Orang Rom telah berusaha memajukan kegiatan pertanian di Andalus di samping bidang-bidang lain seperti bidang perindustrian dan perdagangan. Pada masa tersebut, Andalus telah menjadi pengeluar terbesar gandum, barli dan bijirin ke Itali. Sebagai contohnya, dapat dilihat pada mata wang Rom yang ditempa dengan gambar gandum. Pengeluaran besar-besaran gandum dan barli berlaku setelah wilayah Carthago Nova jatuh ke tangan orang Rom (Imamuddin 1963: 1). Pengeluaran gandum dari wilayah Andalus yang banyak ini boleh dilihat dengan jelas apabila mata wang-mata wang Kerajaan Rom dicetak menggunakan lambang gandum (Imamuddin 1963: 2).

Antara tanaman lain yang turut dihasilkan di Andalus ialah buah zaitun, buah anggur, sayur-sayuran dan beberapa jenis buah-buahan yang lain. Hasil pertanian ini penting untuk memenuhi keperluan penduduk di Andalus. Selain tanaman untuk dimakan, Andalus juga menghasilkan tanaman seperti kapas dan linen untuk diproses dan dijadikan pakaian mereka sehari-hari. Tanaman kapas dan linen ini kebanyakannya terdapat di wilayah Jativa (Imamuddin 1963: 2). Di samping itu, Andalus turut menghasilkan produk-produk hutan seperti kayu-kayan bermutu tinggi. Di wilayah Carthago Nova, sejenis spesis tumbuhan liar yang dikenali sebagai *esparto* dalam bahasa Sepanyol tumbuh dengan banyak. Tumbuhan ini digunakan oleh orang Rom untuk membuat tali dan tikar.

Orang Rom juga telah membina projek-projek pengairan di Andalus. Mereka membina tali-tali air untuk kemudahan pengairan tanam-tanaman di Andalus. Di bahagian selatan Andalus iaitu di Cordova dan Seville, kawasan-kawasan pertanian diairi menggunakan sumber air daripada Sungai Guadalquivir (Imamuddin 1981: 76). Antara tanaman-tanaman yang terdapat di kawasan ini ialah anggur, buah tin, buah zaitun dan bijirin yang jarang ditemui di kawasan sebelah utara Andalus. Pemerintah Rom membahagi-bahagikan sumber air untuk mengairi kawasan tanaman penduduk dan menggali lebih banyak terusan untuk membekalkan air yang lebih

banyak dan berterusan (Imamuddin 1963: 3).

Menurut Imamuddin yang dipetik daripada Bellver, orang Rom hanya menggunakan dua pertiga daripada tanah-tanah pertanian yang ada setiap tahun untuk bercucuk tanam dan masih banyak lagi tanah-tanah pertanian yang terbiar. Mungkin kerana hasil pertanian yang kurang memberangsangkan menyebabkan tanah-tanah ini kurang mendapat perhatian mereka. Hasil pertanian mereka juga adalah sedikit dan kurang memberangsangkan walaupun menggunakan tenaga buruh yang ramai. Tetapi kerana kesungguhan dan kerajinan orang-orang Arab yang datang kemudiannya telah mengusahakan seluruh tanah pertanian di Andalus dan melakukan pelbagai kajian untuk meningkatkan hasil tanaman (Imamuddin 1963: 3).

Selain itu, bidang penternakan juga telah mendapat perhatian orang Rom. Mereka menternak binatang-binatang seperti lembu, kambing, kuda liar, arnab, khinzir, rusa, keldai dan sebagainya. Binatang-binatang ini dijual kepada penduduk-penduduk tempatan atau dieksport ke luar negara. Bidang perikanan juga mendapat perhatian orang Rom. Pulau Minorca merupakan pengeluar terbesar ikan tuna manakala di Carthago Nova pula menghasilkan ikan tenggiri. Ikan-ikan tersebut dijual mentah, disalai dan dikeringkan untuk tahan lebih lama.

Walau bagaimanapun, kemakmuran ekonomi Andalus di bawah pemerintahan Rom mula berubah apabila berlakunya peralihan sistem pemerintahan beraja kepada sistem pemerintahan republik. Kejatuhan sistem pemerintahan beraja ini telah menyebabkan kemunduran dalam bidang ekonomi Andalus terutamanya dalam bidang pertanian. Mereka telah memperkenalkan sistem latifundia yang menindas rakyat dan petani (Reilly 1993: 7). Disebabkan penindasan ini, ramai yang lari meninggalkan tanah-tanah pertanian dan hal ini telah memberi kesan terhadap kelembapan ekonomi Andalus (Maruwiah 2003: 30-32; Imamuddin 1963: 4; Dozy 1913: 217-218; Azam 1991: 2). Berkenaan dengan sistem ini, Imamuddin (1963) menyatakan:

The first evil of the system was the *latifundia* and the second the absence of *columela* that is, large properties cultivated by slaves under the direction of the head of a small town, little interested in the cultivation of the lands.

Dalam sistem ini juga, jika tanah ladang dijual kepada tuan tanah yang baru, hamba-hamba yang menguasakan tanah tersebut akan turut terjual sama. Faktor penindasan inilah yang menjadi sebab utama kejatuhan ekonomi di Andalus di bawah pemerintahan

orang Rom. Golongan ini juga ramai yang telah lari ke dalam hutan kerana tidak tahan dengan penindasan tersebut. Mereka telah mencetuskan kekacauan dan keadaan ini menyebabkan banyak tanah pertanian terbiar dan industri-industri terpaksa ditutup. Kesannya, kegiatan pertanian dan perdagangan Andalus menjadi beku dan ini telah melumpuhkan ekonomi Andalus.

#### SITUASI EKONOMI PADA ZAMAN PEMERINTAHAN KERAJAAN VISIGOTH

Pemerintahan Visigoth di Andalus tidak membawa sebarang perubahan positif kepada masyarakat Andalus. Mereka memerintah secara kuku besi dan gagal untuk menghasilkan satu sistem ekonomi yang lebih baik dari pemerintahan sebelumnya (Azam 1991: 2). Pemerintah Visigoth sewenang-wenangnya memeras keringat rakyat untuk kepentingan mereka. Situasi ini menjadikan masyarakat Andalus terbahagi kepada beberapa kumpulan sosial yang hidup secara terpisah dan membentuk dua kelas sosial terbesar iaitu kelas atasan dan kelas bawahan (Azam 1991: 2-3). Sehubungan itu, pemerintah Visigoth juga telah mengekalkan sistem latifundi dan meneruskan sistem perhambaan yang diwarisi daripada kerajaan Rom. Golongan hamba ini menghadapi kehidupan yang agak sukar dan dinafikan hak sebagai manusia kerana sikap pemerintah yang tidak mementingkan kebajikan rakyat. Hal ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati yang meluas dalam kalangan rakyat terutamanya golongan bawahan.

Menurut kebanyakan sarjana Barat, pemerintah Visigoth tidak dapat menilai kebaikan sistem perdagangan dan corak kehidupan bandar kerana pada umumnya mereka berlatarbelakangkan kehidupan primitif. Namun, menurut Azam Hamzah sebab yang paling besar yang membawa kepada kemerosotan pemerintahan Visigoth ialah kemelesetan besar ekonomi yang berlaku selepas kejatuhan empayar Rom (Azam 1994: 43). Ini bertepatan dengan kenyataan Marilyn Penn (2008: 13):

Trade patterns were disrupted as the Roman Empire began to decline in the fifth century and conditions became increasingly chaotic and lawless. The people of Hispania became less prosperous as the overall economy of the empire declined. There was a trend toward ruralization as cities and industrial production diminished.

Orang Visigoth lebih banyak memberikan perhatian mereka terhadap survival politik dan kurang memberi perhatian terhadap aspek perekonomian. Kurangnya kesedaran pemerintah Visigoth terhadap

kepentingan ekonomi ini merupakan salah satu faktor menyebabkan mereka memberikan layanan buruk terhadap masyarakat Yahudi di Andalus yang kebanyakannya terdiri daripada para pedagang yang menjadi tulang belakang kepada perkembangan ekonomi negara (Lewis 1966: 88-89; Azam 1994: 332). Di samping itu, faktor agama juga menyebabkan pemerintah Visigoth kurang memberi perhatian terhadap kegiatan perdagangan. Pemerintah Visigoth mempunyai hubungan yang rapat dengan para bishop di gereja-gereja (Mahmoud 1992: 5).

Urusan pemerintahan negara juga banyak diputuskan di majlis-majlis gereja dan pihak berkuasa paderi yang dipengaruhi oleh pertimbangan agama memandang golongan Yahudi sebagai musuh agama mereka (Muhammad Hasrul 2007: 136). Berdasarkan dikri Konsul Toledo ke-3, artikel ke-14 oleh Raja Recared pada tahun 589M mencatatkan orang Yahudi diharamkan berkahwin dengan orang Kristian dan anak daripada perkahwinan campur Yahudi-Kristian tidak boleh dibaptiskan. Golongan Yahudi juga dikecualikan daripada memegang sebarang jawatan dalam kementerian awam dan dilarang mengkhatakan hamba Kristian mereka (Muhammad Hasrul 2007: 130).

Seterusnya, pada zaman pemerintahan Raja Sisebur pula, beliau kelihatan lebih agresif terhadap golongan Yahudi. Pada tahun 613M beliau telah mengeluarkan dikri yang paling keras terhadap orang Yahudi. Orang Yahudi tidak dibenarkan menjadi pedagang malah mereka diwajibkan untuk menukar agama kepada Kristian. Akibat dasar paksaan ini, kira-kira 90,000 Yahudi telah menukar agama manakala selebihnya dihalau ke Gaul dan Afrika Utara kerana enggan berbuat demikian (Muhammad Hasrul 2007: 131). Pada tahun 633M, Konsul Toledo ke-4 telah mengisyiharkan bahawa jika didapati mana-mana keluarga Yahudi yang sudah memeluk agama Kristian masih mengamalkan agama dan budaya Yahudi, anak-anak mereka akan dipisahkan dari keluarga untuk dibesarkan di biara-biara Katolik dalam budaya Kristian. Dua puluh tahun berikutnya, dalam Konsul Toledo ke-8 mengisyiharkan bahawa sebarang amalan budaya dan kepercayaan Yahudi diharamkan di Andalus. Jika ingkar, mereka akan dihukum bunuh, termasuk dibakar hidup-hidup. Diskriminasi ini berterusan sehingga galah kedatangan Islam ke Andalus (Muhammad Hasrul 2007: 131).

Golongan Yahudi ini bukan sahaja terpaksa berdepan dengan diskriminasi dalam soal keagamaan malahan dari sudut ekonomi. Mereka dipaksa untuk membayar cukai yang tinggi dan dipaksa untuk menjual barang dagangan dengan harga

yang sangat rendah. Bukan itu sahaja mereka juga ditegah untuk menjalankan sebarang hubungan atau jaringan perniagaan dengan komuniti Kristian di Andalus dan Kristian di seberang laut (Chejne 1974: 8; Muhamad Hasrul 2007: 131). Penguatkuasaan dikri tersebut menyebabkan orang Yahudi tidak lagi dapat meneruskan kegiatan perdagangan mereka dan hasilnya mereka telah membentuk konspirasi untuk menggulingkan Kerajaan Visigoth dengan rakan-rakan sebangsa mereka di Afrika Utara. Penindasan terhadap masyarakat Andalus dalam segenap perkara ini kekal sehingga kedatangan Islam dari Afrika Utara pimpinan Musa b. Nusayr dan Tariq b. Ziyad datang membebaskan mereka pada tahun 92H/711M. Dengan kejayaan tentera-tentera Islam di Andalus, maka berakhirlah penindasan terhadap golongan bawahan ini.

#### SITUASI EKONOMI ZAMAN PEMERINTAHAN KERAJAAN BANU UMAYYAH

Kedatangan Islam ke Andalus berjaya memulih dan memperkembangkan kegiatan ekonomi yang lumpuh semasa zaman pemerintahan Kerajaan Visigoth dan Kerajaan Rom sebelumnya. Di bawah pemerintahan Banu Umayyah, Andalus menjadi sebuah negara yang termaju di Eropah walaupun dari semasa ke semasa banyak berlaku kekacauan politik. Oleh yang demikian, bagi memastikan kekuasaan Islam bertapak kukuh di Andalus semestinya memerlukan satu sistem perekonomian yang baik yang boleh menjamin keseragaman hidup masyarakat di Andalus.

Menurut Hitti, perkembangan pesat Andalus dalam sektor ekonomi dapat dilihat apabila hasil perindustrian dan pertanian Andalus melebihi keperluan dalam negeri (Hitti 1970: 528). Jumlah penduduk Andalus yang semakin bertambah dari semasa ke semasa juga telah menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap produk-produk keluaran tempatan supaya sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat. Pengeluaran dan penghasilan barang yang melebihi permintaan rakyat tempatan pula telah menjadi faktor produk-produk tersebut boleh dikomersilkan hingga ke peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, di bawah pemerintahan Banu Umayyah juga, kegiatan pertanian telah dimajukan semula. Pelbagai usaha dijalankan oleh pemerintah untuk meletakkan ekonomi Andalus pada tahap yang tinggi. Mereka telah memperkenalkan pelbagai teknik baru untuk meningkatkan hasil pertanian negara dengan memperkenalkan sistem perairan yang baru, pengenalan kepada tanaman-tanaman baru, teknik penanaman, kalendar pertanian dan sebagainya

(Reilly 1993: 62-63). Sistem pertanian yang baru diperkenalkan banyak memberikan kebaikan kepada rakyat dan bukan dimonopoli oleh pemerintah semata-mata. Selain bidang pertanian, bidang-bidang ekonomi lain seperti perindustrian dan perlombongan juga turut diberikan perhatian.

Sehubungan itu, kemajuan dalam bidang perindustrian merupakan tulang belakang kepada perkembangan ekonomi di Andalus di samping bidang pertanian (Imamuddin 1963: 178). Kemunculan institusi-institusi intelektual yang menghasilkan banyak penemuan-penemuan baru telah memperksakan lagi bidang ini. Institusi-institusi ini juga telah melahirkan ramai tenaga-tenaga mahir. Di samping itu, faktor bekalan mentah yang banyak serta permintaan yang tinggi terhadap barang-barang mewah telah membantu memusatkan lagi kegiatan ini (Azam 1994: 303; Imamuddin 1963: 178).

Kesimpulannya, kedatangan Islam di Andalus telah berjaya mengubah landskap ekonomi Andalus daripada kurang memberangsangkan kepada satu tahap yang boleh dibanggakan dan memberi banyak manfaat kepada rakyat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa pada zaman sebelumnya berlaku perkembangan dalam bidang ekonomi tetapi perkembangan tersebut tidaklah serancak perkembangan yang berlaku selepas kedatangan Islam. Perkembangan ekonomi di bawah pemerintahan Islam tidak berlaku secara semula jadi dan ia dipengaruhi oleh faktor inisiatif pemerintah yang mahu bidang tersebut dimajukan, faktor peranan rakyat dalam menyambut usaha baik kerajaan dan faktor bentuk muka bumi Andalus itu sendiri yang subur dan sesuai untuk pelbagai aktiviti perekonomian.

#### SEKTOR PERDAGANGAN ANDALUS ZAMAN PEMERINTAHAN KERAJAAN BANU UMAYYAH

Berhubung dengan kegiatan perdagangan di Andalus, sebenarnya masyarakat di sini telah lama mengamalkan pertukaran barang. Para petani dan penduduk luar bandar akan membawa barang keluaran mereka seperti hasil pertanian dan barang industri kampung untuk dijual di bandar-bandar besar dan kemudiannya membeli barang-barang keperluan harian dan barang mewah yang tidak terdapat di tempat mereka (Salmah 2009: 70). Di samping perdagangan tempatan, penduduk Andalus juga menjalankan perdagangan antarabangsa. Menurut Azam Hamzah (1991), orang Islam di Andalus telah menjalankan kegiatan perdagangan dengan seluruh Eropah, Afrika dan Asia.

Perdagangan tersebut berlaku sama ada melalui jalan darat atau jalan laut. Para pedagang Andalus sama ada Islam, Yahudi atau Kristian sibuk menjalankan urusan perniagaan import dan eksport mereka. Mereka dilaporkan membawa barang dagangan mereka dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kebanyakan daripada biografi pedagang-pedagang ini boleh dijumpai dalam beberapa karya fiksyen dan ada juga yang ditulis dalam karya berbentuk biografi (Imamuddin 1963: 297).

Sehubungan dengan itu, bandar-bandar di sepanjang pantai Andalus sama ada di sebelah barat ataupun timur telah dibangunkan menjadi bandar-bandar pelabuhan yang begitu padat dan sibuk kerana aktiviti perdagangannya yang begitu meluas (Saifullah 2007: 161). Kemajuan perdagangan dan import eksport telah berlipat kali ganda apabila Kerajaan Bani Umayyah berjaya membuka beberapa pelabuhan dan perbandaran baru. Bandar-bandar besar seperti Cordova, Seville, Malaga, Toledo dan sebagainya berperanan sebagai pusat kegiatan perdagangan di Andalus sama ada dalam kalangan pedagang-pedagang tempatan maupun luar negara.

#### PERDAGANGAN DALAM NEGERI

Selaras dengan kemajuan pertanian dan perindustrian, perdagangan dalam negeri telah berjalan dengan pesat. Barang-barang boleh didapati di Andalus dengan harga yang murah. Ibn Hawqal melaporkan bahawa semua bandar di Andalus tidak kira besar atau kecil dilengkapi dengan pasar-pasar, bangunan-bangunan cantik dan infrastruktur-infrastruktur lain untuk keselesaan penduduk (Imamuddin 1965, 120; Azam 1994, 314). Beliau juga melaporkan bahawa hampir keseluruhan bandar di Andalus sama ada kecil atau besar pada ketika itu mempunyai bekalan barang-barang keperluan dan barang mewah yang mencukupi sehingga membolehkan rakyatnya hidup selesa dan senang-lenang.

Di Andalus, bandar Cordova terkenal sebagai pusat penjualan buku dan hamba abdi. Bandar Almeria pula terkenal dengan penjualan hamba dan Seville dengan alat-alat muziknya. al-Maqqari mencatatkan bahawa penduduk Almeria pada suatu masa adalah merupakan penduduk terkaya di Andalus. Mereka menjalankan aktiviti perdagangan secara konsisten. Di samping itu, kebanyakan kedai di Andalus adalah bersifat dwifungsi. Selain tempat untuk menjual barang ia juga beroperasi sebagai bengkel membuat atau menghasilkan barangan seperti

kraf tangan, alatan peperangan, barang perhiasan, minyak wangi, makanan dan sebagainya. Barang siap yang dihasilkan ini akan dijual di kedai tersebut (Imamuddin 1965: 123-124).

Selain itu, kawasan perdagangan yang menempatkan pasar-pasar, kedai-kedai dan pasar-pasar khas yang bersifat eksklusif (*al-qaysariyyah*) di Andalus biasanya tidak mempunyai kawasan kediaman. Justeru, pada waktu malam peniaga biasanya akan menghentikan operasi perniagaan dan meninggalkan kedai masing-masing. Mereka akan mengupah pengawal untuk menjaga keselamatan kedai-kedai mereka (Imamuddin 1965: 123). Sistem penghantaran barang-barang dagangan di Andalus juga berlaku dengan cepat dan sistematik. Barang-barang mentah, makanan dan barang-barang cepat rosak seperti ikan dan buahan-buahan dihantar ke seluruh pasar-pasar di Andalus dengan pantas dan cepat (Imamuddin 1963: 299). Ia dilakukan bagi memastikan barang-barang tersebut sentiasa dalam keadaan yang baik dan segar. Menurut Imamuddin, pada zaman pemerintahan al-Hakam II, permintaan terhadap produk ikan di Andalus adalah sangat tinggi, kos keseluruhan untuk mengimport ikan sardin yang telah diawet mencecah sehingga 20,000 dinar sehari (Imamuddin 1963: 299).

#### PERDAGANGAN LUAR NEGERI

Di Andalus, kegiatan perdagangan tidak berlangsung dalam kalangan masyarakat Andalus sahaja bahkan kegiatan perdagangan berkembang dengan meluasnya hingga ke negara-negara luar. Pelbagai prasarana dan kemudahan disediakan bagi kemudahan para pedagang yang datang dari luar Andalus melalui dokumen perjanjian yang telah dipersetujui masing-masing. Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh pemerintah Andalus dengan menjalankan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar sama ada Islam atau Kristian telah meningkatkan lagi hubungan perdagangan Andalus dengan negara-negara tersebut. Berkenaan hubungan perdagangan Andalus dengan negara-negara luar ini, sarjana Barat Colmeiro yang dipetik daripada Imamuddin (1965: 201) mengatakan:

In short the Arab Spain maintained direct and very frequent commercial relation with Italy, Morocco, North Africa, Egypt, Greece and Syria and indirect ones with other parts of Central Africa and several regions of Europe and Asia without excluding India and China.

### *HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN AFRIKA UTARA*

Hubungan perdagangan di antara Andalus dan Afrika telah bermula sejak zaman pemerintahan Greek-Yunani lagi. Walaupun terdapat permusuhan di antara penduduk Andalus dengan puak Barbar di Afrika Utara tetapi mereka masih saling bergantungan antara satu sama lain khususnya dalam aspek perdagangan. Hubungan perdagangan antara penduduk Andalus dengan Afrika berpusat di Selat Gibraltar. Afrika memainkan peranan penting sebagai perantara Andalus dengan negara-negara Timur Tengah termasuklah wilayah Mesir. Menurut Imamuddin, pedagang-pedagang dari Mesir, Sudan, India dan China berurus niaga dengan wilayah Afrika terlebih dahulu sebelum sampai ke Andalus, Itali, Perancis dan negara Eropah yang lain (Imamuddin 1963: 344-345).

Pada zaman kegembiran Islam di Andalus, sebahagian kecil daripada wilayah Afrika Utara berada di bawah pemerintahan Islam di Andalus. Menurut Ibn Hawqal, penduduk di Ceuta hidup dalam suasana yang aman dan makmur di bawah pemerintahan Abd al-Rahman al-Nasir. Hubungan politik dan ekonomi yang rapat di antara Ceuta dan selat Gibraltar telah menjadikan mereka saling bergantungan antara satu sama lain. Di samping itu, penguasaan Banu Umayyah ke atas wilayah di Afrika Utara ini juga telah mendorong kepada perpindahan populasi dari Andalus ke Afrika Utara dan begitu juga sebaliknya (Imamuddin 1963: 346).

Di Afrika Utara terdapat dua pusat perdagangan yang terpenting iaitu di wilayah Barqah di sebelah timur dan Sijilmasah di sebelah barat. Barqah yang pada masa sekarang terletak di Libya merupakan tempat perhentian yang paling besar dan makmur bagi rombongan-rombongan pedagang dari Mesir menuju ke Qayrawan. Di sini, penduduk boleh mendapatkan barang-barang sama ada dari timur atau barat (Kramers 1952: 66-67). Manakala wilayah Sijilmasah yang menjadi tumpuan ramai pedagang-pedagang dari Iraq telah menjadi bandar perdagangan yang paling sibuk, ia telah menjadi saingan kepada bandar-bandar perdagangan Islam yang lain. Antara pelabuhan-pelabuhan penting yang menjadi tempat persinggahan para pedagang di Afrika Utara ialah Tanas (Tenes), Wahran, Tabarqah, Marsa Bajjanah, Jazair Bani Mazghannah, Marsa al-Jaras, Qabis dan Tripoli (Gabes) (Salmah 2009: 75; Imamuddin 1963: 346).

### *HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN MESIR*

Pada zaman pemerintahan Kerajaan Tuluniyyah dan Kerajaan Ikhṣidiyyah di Mesir, kedua-dua kerajaan ini telah menjalinkan hubungan yang baik dengan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus. Pada masa tersebut, hubungan politik, budaya dan ekonomi di antara Andalus dan Mesir berlangsung dengan baik. Keadaan mula berubah apabila Mesir diperintah oleh Kerajaan Fatimiyyah pada tahun 969M. Hubungan politik di antara kedua-dua kerajaan tegang dan saling bermusuhan antara satu sama lain. Walaupun demikian, hubungan dari aspek perdagangan dan keilmuan tetap berlaku terutamanya dari segi ilmu pengetahuan.

Hubungan perdagangan dan kebudayaan di antara kedua-dua negara tetap berjalan dengan baik walaupun dari semasa ke semasa berlaku perselisihan politik. Rombongan-rombongan haji dan pedagang dari Andalus dan al-Maghrib yang pergi ke negeri-negeri timur dan tanah-tanah Arab akan melalui Mesir terlebih dahulu sama ada melalui jalan darat atau laut (Imamuddin 1963: 348; Salmah 2009: 76). Jika mereka menggunakan jalan laut iaitu dengan melalui persisiran pantai Afrika Selatan ke Iskandariah mereka akan melalui negeri Mesir terlebih dahulu. Ketika dalam perjalanan menuju ke timur inilah pedagang-pedagang Andalus akan singgah di Mesir dan menjual barang yang dibawa seperti barang mentah dan barang siap, hamba-hamba dan sebagainya. Dalam perjalanan pulang, golongan pedagang-pedagang ini akan singgah di Mesir semula untuk membeli barang-barang perhiasan yang bermutu tinggi dan penyanyi wanita untuk dibawa balik ke Andalus (Salmah 2009: 76).

Antara bukti lain yang menunjukkan adanya hubungan perdagangan antara Mesir dan Andalus ialah melalui sepucuk surat yang dihantar oleh Hasdai Ibn Shaprut kepada Raja Khazars. Hasdai ialah pegawai istana Abdul Rahman yang berbangsa Yahudi. Dalam surat tersebut, Hasdai menceritakan tentang kehadiran pedagang asing dari beberapa buah negara luar dan pulau terutamanya Mesir dan negara-negara lain. Pedagang-pedagang ini membawa bersama mereka minyak wangi, batu-batu permata dan barang bermutu yang lain untuk kegunaan puteri raja dan golongan kaya. Secara umumnya, semua barang dagangan Mesir ini sangat diperlukan di Andalus (Salmah 2009: 76). Di Mesir, kota Iskandariah merupakan sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang telah lama masyhur di kalangan para pedagang. Iskandariah telah berperanan sebagai saluran penting dalam jaringan perdagangan yang

menghubungkan dunia Arab dengan kota-kota pelabuhan di Laut Mediterranean dan di bahagian Timur (Siti Normusleha & Wan Kamal 2007: 418).

#### *HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN SEMENANJUNG TANAH ARAB*

Sektor perdagangan dan perniagaan di sekitar Semenanjung Tanah Arab tertumpu di kawasan Mekah. Pada zaman jahiliah, kota Mekah sememangnya sudah terkenal sebagai pusat perniagaan yang menjadi tumpuan pedagang dari pelbagai pelosok dunia. Mekah menjadi masyhur kerana kegiatan perniagaan yang berpusat di pasar Ukaz iaitu sebuah pasar yang menarik perhatian para pedagang dan ahli perniagaan untuk mempamerkan barang dagangan mereka (Siti Normusleha & Wan Kamal 2007: 418). Kedatangan para pedagang Andalus ke Mekah juga dipengaruhi oleh faktor agama, iaitu untuk mengerjakan haji.

#### *HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN ITALI*

Perdagangan rempah ratus merupakan sumber pendapatan utama Itali. Wilayah Itali yang mula-mula melakukan hubungan perdagangan dengan Andalus ialah Venice. Antara bandar-bandar perlabuhan terpenting di Itali ialah Venice, Genoa dan Pisa.

#### *HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN UTARA EROPAH*

Selepas penaklukan wilayah Mediterranean oleh orang Islam, pusat laluan perdagangan penduduk Kristian telah berpindah daripada selatan ke utara, iaitu dari Laut Mediterranean ke Laut Therhenean. Seperti kebiasaannya, produk-produk keluaran Timur terutamanya rempah ratus masih lagi dibawa ke Eropah sehingga ke negara Britain. Sekitar abad ke-10M, terdapat pertukaran wakil-wakil kerajaan antara Kerajaan Banu Umayyah di Andalus dengan negara-negara Kristian seperti Jerman, Perancis dan Itali. Pada masa pemerintahan Abd al-Rahman al-Nasir, beliau telah menjalinkan hubungan diplomasi dengan Constantine VII (Maharaja Byzantine), Hugh of Arles (Raja Itali), Dux (Raja Slav) dan Otto the Great (Raja German) (Salmah 2004: 64). Hubungan diplomatik ini telah menggalakkan hubungan komersil di antara Andalus dengan negara-negara berkenaan. Masyarakat Yahudi di Andalus telah menjadi orang tengah dalam membawa produk-produk Andalus ke negara-negara Eropah. Mereka pernah menetap dan berasimilasi dengan penduduk Yahudi yang tinggal di wilayah Kegensburg dan Mainz yang merupakan pusat perdagangan termaju di Jerman khususnya

pada zaman kegelapan Eropah. Di negara itu, wang syiling Arab dikenali di sini dan digelar sebagai *Urbs nobilis* dan *opulenta* seperti mana yang terdapat dalam teks-teks Jerman sekitar tahun 953M (Imamuddin 1963: 369).

Sekitar abad ke-8M hingga 9M ke atas, dengan pengekspor tanah hamba-hamba dan bekalan bahan mentah ke Andalus, negara Eropah Barat menerima kemasukan wang syiling dinar Arab yang mereka gelar sebagai *mancus*. Mereka juga mengimport barang-barang seperti rempah ratus dan barang-barang berharga daripada orang Islam dan Byzantine di timur. Selain hubungan dengan negara-negara di atas Andalus turut menjalankan kegiatan perdagangan dengan negara Perancis, Iraq, Parsi, Cina dan India.

#### **BENTUK PERDAGANGAN DI ANDALUS**

##### *PERDAGANGAN EKSPORT*

Barangan keluaran Andalus telah dieksport ke luar negara sama ada melalui jalan darat atau laut. Seville, salah sebuah pelabuhan sungai terbesar berperanan sebagai pusat untuk mengesport kapas, buah zaitun dan minyak. Dari Jaen dan Malaga pula dieksport kunyit, buah tin, batu marmar dan gula. Hasil-hasil pertanian Andalus juga diperdagangkan hingga ke India dan Asia Tengah dengan melalui Iskandariah dan Constantinople. Antara barangan lain ialah kertas keluaran Jativa, permaidani, senjata-senjata dan alatan seperti kot, pinggan mangkuk, perisai, alat-alat kelengkapan kuda, barangan tembaga dan barangan besi seperti gunting, pisau, senjata, pinggan mangkuk yang diperbuat daripada kayu, garam dari Ibiza, buah-buahan dari Almeria, buah tin dan ubi telah dieksport ke Afrika Utara. Kain linen, barang tenunan, emas, perak, alat solekan, arang batu, besi, sutera, hamba abdi, minyak zaitun, buah-buahan dan ubat-ubatan dieksport ke Mesir (Azam 1994: 319-320; Imamuddin 1963: 331-338).

Di samping itu, buah-buahan juga turut dieskport ke Syria dan kain-kain tenunan ke Yaman dan Mekah. Hamba abdi, pakaian kulit, kain kapas, kain linen, minyak wangi, emas, mutiara, raksa, timah dan ubat-ubatan telah dieksport ke Iraq. Kain-kain tenunan dan sesetengah barangan yang dieksport ke timur juga dieksport ke Khurasan. Di India dan China pula, hamba abdi, pakaian tenunan, peralatan kulit dan pedang telah dieskport dari Andalus ke sana. Produk-produk seperti barangkulit, minyak zaitun, arang batu, pakaian dan lain-lain barangan mewah telah dieskport dari Cordova ke Perancis. Kain-kain sutera keluaran Andalus juga telah dieksport ke Itali

dan negara-negara Eropah lain di bahagian utara. Pada masa tersebut juga, buah tin keluaran Malaga sangat terkenal pada masa tersebut dan ia telah dieskport hingga ke India dan China (Azam 1994: 319-320; Imamuddin 1963: 331-338).

#### *PERDAGANGAN IMPORT*

Perdagangan Andalus tidak berlaku dalam bentuk satu hala sahaja. Andalus turut mengimport barang-barang dari negara luar khususnya barang yang tidak terdapat di tempat mereka atau barang tersebut agak kurang didapati di Andalus. Antara produk-produk yang diimport dari negara luar seperti kuda, perisai buatan Tunisia, marmar dan arang batu yang kebiasaannya diimport dari negara Afrika Utara. Dari Mesir pula penyanyi-penyanyi wanita dan produk-produk seperti fabrik, kitab-kitab dan gula telah diimport (Azam 1994: 320).

Di samping itu, penduduk Andalus juga telah mengimport batu marmar hijau yang banyak terdapat di Syria. Kuda, panah dan beg duit pula telah diimport dari Semenanjung Tanah Arab sementara pelana kuda, sutera Arab, perisai kuda, pakaian, rantai, penyanyi-penyanyi wanita dan buku-buku diimport dari Iraq. Permaidani dan hasil-hasil tenunan sama ada pakaian atau hiasan turut diimport dari Parsi manakala kulit binatang, perisai dan anak panah pula diimport dari Khurasan. Dari India dan China pula, Andalus telah mengimport produk-produk wangian, kayu, jut, tombak dan pedang. Dari Greece dan Itali diimport produk-produk seperti batu marmar dan kelengkapan kuda sementara dari negara-negara Eropah yang lain diimport hamba abdi, barang mentah dan beberapa produk yang lain (Imamuddin 1963: 339-341).

#### PUSAT KEGIATAN PERDAGANGAN DI ANDALUS

##### *PASAR-PASAR PERNIAGAAN*

Bagi melancarkan aktiviti perniagaan dan perdagangan, peranan sesebuah pasar amatlah penting. Kewujudan pasar-pasar sebagai tempat bermiaga akan memudahkan segala aktiviti jual beli pelbagai barang. Pada zaman pemerintahan Banu Umayyah di Andalus, terdapat banyak pasar yang didirikan untuk menjadi pusat kegiatan perdagangan dan memudahkan rakyat mendapatkan barang keperluan mereka. Imamuddin telah membuat kajian mengenai pasar-pasar yang terdapat di Andalus dengan memberikan butir-butir yang agak terperinci mengenai barang yang dijual, lokasi dan transaksi yang dilakukan di setiap pasar. Kebiasaannya, setiap

bandar di Andalus mempunyai pasar masing-masing. Antara pasar-pasar yang terdapat di Andalus ialah *al-qaysariyyah* (*special market*) dan pasar-pasar biasa (*common market*). Penduduk di Andalus juga mengamalkan sistem pemusatkan pasaran (*centralization of market*) yang terdiri daripada *suq al-itir* (pasar minyak wangi), *suq al-attarin* (pasar rempah ratus), *al-bazzazin* (pasar pakaian), *al-qarraqin* (pasar kasut), *suq al-zayyat* (pasar minyak zaitun) dan banyak lagi.

##### *PELABUHAN*

Peranan sesebuah pelabuhan dalam perkembangan aktiviti perdagangan sangat penting bagi tujuan perhubungan dengan negara-negara luar mahupun di dalam negara. Oleh itu, untuk melancarkan kegiatan perdagangan dan memudahkan kapal-kapal dagang singgah di Andalus, pemerintah Banu Umayyah di Andalus telah mengambil inisiatif untuk membina kawasan-kawasan pelabuhan. Pesisir pantai Andalus telah diusahakan untuk menjadi kawasan pelabuhan kapal terutamanya di bahagian sebelah Laut Mediterranean. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan sebelum pemerintahan Banu Umayyah di Andalus telah wujud bandar-bandar pelabuhan yang dibangunkan khususnya pada zaman pemerintahan Kerajaan Romawi. Fungsinya adalah sama iaitu untuk memudahkan kegiatan perdagangan dan menjadi kawasan persinggahan kapal-kapal yang datang ke Andalus.

Di samping itu, pelabuhan-pelabuhan di Andalus ini bukan sahaja berperanan sebagai pusat perdagangan malahan sebagai pusat ketenteraan laut. Limbunga-limbungan kapal dibina bagi memuatkan banyak kapal laut untuk berlabuh dan pada masa yang sama menjadi pusat ketenteraan laut bagi mengawal keselamatan negara dari ancaman-ancaman pihak musuh yang berkemungkinan datang dari arah laut (Ko t.th.). Menurut Imamuddin, pelabuhan-pelabuhan di Andalus dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut lokasi, iaitu:

1. Pelabuhan-pelabuhan yang terletak di sebelah pantai Laut Mediterranean. Pada zaman pemerintahan Banu Umayyah, Laut Mediterranean telah menjadi sumber ekonomi yang menguntungkan, ia telah menyumbang dan memberi kekuatan ekonomi melalui bayaran cukai yang diperolehi daripada kapal-kapal perdagangan yang melalui laut dan singgah di pelabuhan yang ada di sekitarnya. Antara pelabuhan-pelabuhan yang ada di sini ialah al-

- Jazirah al-Khadra' (Algeciras), Daniya (Denia), al-Munakkab (Almunecar), Birah (Vera), Pechina, Almeria, Qartajannah al-Khulafa' (Cartagena), Alsh (Elche) dan Barshaluna (Barcelona) (Imamuddin 1963: 275-279).
2. Pelabuhan-pelabuhan yang terletak di bahagian pantai Laut Atlantik seperti al-Sarjah (Sagra), al-Qasr, Santamariyya dan Lisbon (Imamuddin 1963: 278-279).
  3. Pelabuhan-pelabuhan berskala kecil yang terletak di sekitar sungai-sungai di Andalus. Untuk meluaskan lagi kegiatan perdagangan, penduduk di Andalus tidak hanya menggunakan pelabuhan-pelabuhan di sekitar pantai Laut Mediterranean dan Laut Atlantik sahaja bahkan mereka juga menggunakan laluan-laluan di sekitar sungai-sungai di Andalus terutamanya dalam melakukan perdagangan domestik. Menurut Ya'qut al-Hamawi, Sungai Guadalquivir di Andalus hampir sama peranannya dengan Sungai Tigris di Iraq dan Sungai Nil di Mesir kerana kelebihannya yang juga boleh dilalui oleh kapal-kapal besar (Imamuddin 1963: 279-280). Kerajaan Banu Umayyah juga memperoleh pendapatan yang cukup tinggi hasil daripada kegiatan eksport barang di Andalus. Pedagang-pedagang yang datang ke Andalus dikenakan bayaran cukai pelabuhan dan cukai untuk barang dagangan mereka.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, sektor perdagangan pada zaman pemerintahan Banu Umayyah di Andalus telah mencapai suatu tahap yang membanggakan. Kedatangan Islam ke Andalus telah berjaya mengubah situasi ekonomi Andalus daripada satu keadaan yang tidak memberangsangkan kepada suatu tahap peningkatan yang amat membanggakan yang masih lagi menjadi isu perbincangan pada masa kini. Pemerintah memainkan peranan yang cukup penting dalam perkembangan ini. Polisi pemerintah dan keupayaan mereka mengerakkan aktiviti ekonomi negara merupakan faktor terpenting dalam memperkasakan sektor ini.

## RUJUKAN

- Allen, M.P. 2008. *Cultural flourishing in tenth century Muslim Spain among Muslims, Jews and Christians*. Washington: Georgetown University.
- Azam Hamzah. 1991. *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi.
- \_\_\_\_\_. 1994. Perkembangan ilmu pengetahuan di Andalus pada zaman pemerintahan Banu Umayyah. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chejne, A.G. 1974. *Muslim Spain Its Culture and History*. UK: The University of Minnesota Press.
- Constable, O.R. 1994. *Trade and Traders in Muslim Spain: The Commercial Realignment of the Iberian Peninsula 900-1500*. USA: Cambridge University Press.
- Dozy, R. 1913. *Spanish Islam*. London.
- Hitti, P. K. 1970. *History of the Arabs*. Edisi ke-10. London: The MacMillan Press.
- Imamuddin, S.M. 1963. *The Economic History of Spain Under the Umayyads, 711-1031 A.C.* Pakistan: Asiatic Society of Pakistan Dacca.
- \_\_\_\_\_. 1965. *Some Aspect of the Socio-economic and Cultural History of Muslim Spain 711-1492 A.D.* Leiden: E.J Brill.
- \_\_\_\_\_. 1981. *Muslim Spain 711-1492 A.D.: A Sociological Study*. Leiden: E.J Brill.
- James, D. 2009. *Early Islamic Spain the History of Ibn al-Qutbiya*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Kearns, R.R.G. 2008. The golden age al-Andalus. Master Thesis California University Dominquez Hills.
- Ko, J. t.th. *Economic impact the Islamic world had on Christian Europe (11<sup>th</sup>-14<sup>th</sup> Century)*. Korea: Korean Minjok Leadership Academy. <http://www.zum.de/wkmla/sp/0607/jihoon/jihoon.htm>, [24 Mac 2011].
- Kramers, J. H. 1952. Geography and commerce in the legacy of Islam. Dlm. Arnold, T. & Guillaume, A. Oxford.
- Maruwiah Ahmat. 2003. *Sejarah Bani Umayyah di Andalus*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Makki, M. 1992. The political history of al-Andalus (92/711-897/1492). Dlm. *The Legacy of Muslim Spain*, disunting oleh al-Jayyusi, S.K., 3-87. Leiden: E.J Brill.
- Maruwiah Ahmat. 2003. *Sejarah Bani Umayyah di Andalus*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Miles, G. C. 1950. *The Coinage of the Umayyad Spain*. New York: The American Numismatic Society.
- Muhamad Hasrul Zakariah. 2007. Keadilan pemerintahan Islam terhadap minoriti Yahudi di Andalus: Satu perbandingan sejarah. Dlm. *Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan: Politik, Ekonomi, Sosial dan Intelektual Era Andalusi*, disunting oleh Ezad Azraai Jamsari & Zamri Ariffin, 129-138.
- Reilly, B. F. 1993. *The Medieval Spain*. New York: Cambridge University Press.
- Safran, J. 1998. The command of the faithful in al-Andalus: A study in the articulation of caliphal legitimacy. *International Journal of Middle East Studies* 30(2): 183-198. Cambridge University Press. <http://www.jstor.org/stable/164699> [12.01.2011].
- Sahibzada Masud-ul-Hassan Khan Sabri. 2004. *History of Muslim Spain*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.

- Saifullah Mohd. Sawi. 2007. Perkembangan tamadun Islam di Andalus (711-1492M): Satu sorotan sejarah menurut sumber-sumber berbahasa Indonesia. Dlm. *Prosiding simposium tamadun Islam abad pertengahan: politik, ekonomi, sosial dan intelektual era Andalusi*, disunting oleh Ezad Azraai Jamsari & Zamri Ariffin, 159-186.
- Salmah Omar. 2009. *Andalus Semarak Tamadun di Eropah*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Siti Normusleha Mohd. Musa dan Wan Kamal Mujani. 2007. Hubungan perdagangan antara Melaka dan pedagang Arab. Dlm. *Prosiding seminar penyelidikan dalam pengajian Islam ke-4 2007: peningkatan kualiti penyelidikan dalam Pengajian Islam*, disunting oleh

- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Siti Rugayah Tibek & Anuar Puteh, 415-432.
- Trend, J. B. 1968. Spain and Portugal. Thomas Arnold & Alfred Guilaume. *The Legacy of Islam*. London: Oxford University Press.

Noranizah Yusuf, Ph.D  
Ezad Azraai Jamsari, Ph.D  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
ezad@ukm.my